

Kestabilan punca pelabur yakin melabur di Malaysia — TPM

UM 3 NOV 2002

BUKIT MERTAJAM 2 Nov. — Pelabur asing berminat untuk melabur di negara ini kerana yakin dengan keadaannya yang aman dan stabil di samping memiliki pekerja yang mahir.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, selain itu pelabur yakin dengan kedudukan ekonomi negara yang telah pulih daripada kegawatan.

“Syarikat-syarikat besar telah datang berjumpa saya berikutan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu.

“Pelabur asing membuat kajian dan mendapati dasar yang diamalkan oleh kerajaan telah menjadikan mereka semakin yakin untuk melabur di negara ini,” katanya ketika berucap pada majlis Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di Maktab Perguruan Tuanku Bainun, dekat sini hari ini.

Menurut Abdullah, sebagai contoh, syarikat asing, IBM Manufacturing Sdn. Bhd. telah membuka kilang membuat komputer di Pulau Pinang kerana negeri itu mempunyai kemudahan dan pekerja yang berkebolehan walaupun ada syarikat asing melabur di negara lain.

“Syarikat itu membuka kilang kerana mereka yakin negara kita, ada pekerja yang mempunyai kebolehan yang tinggi, cekap dan mahir dalam membuat komputer buatan Malaysia selain kedudukan negara yang aman dan stabil,” katanya.

Sehubungan itu, Abdullah juga meminta rakyat negara ini agar memperbaiki hidup dengan menggalakkan anak-anak supaya menguasai sains dan teknologi.

Beliau berkata, penguasaan sains dan teknologi penting ke arah menjadikan bangsa dan negara maju menjelang 2020.

Kata Abdullah, kegigihan pemimpin seperti Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang bersikap telus berbincang dengan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) dalam menggalakkan anak-anak menguasai bahasa Inggeris, akan membolehkan sistem pendidikan ditingkatkan.

“Rakyat pelbagai kaum perlu menyanai sikap yang positif untuk menguasai ilmu pengetahuan yang berguna kerana keputusan kerajaan membuktikan satu perubahan dalam sistem pendidikan negara demi kepentingan generasi akan datang,” ujarnya.